

03/01/2002

PM ajak pekerja awam hargai keamanan

PUTRA JAYA, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak semua kakitangan awam agar menjadikan Syawal ini sebagai masa memperingati diri mengenai kebaikan yang dinikmati hasil usaha mereka selama ini.

Perdana Menteri berkata, rakyat Malaysia bernasib baik kerana dapat menyambut Aidilfitri dalam suasana aman berbanding banyak negara lain yang dilanda pelbagai masalah seperti peperangan.

"Kita perlu bersyukur kerana apa yang kita nikmati adalah hasil sikap kita yang sentiasa bersederhana dan lebih sukakan keamanan daripada keadaan yang tidak baik.

"Negara juga berada dalam keadaan makmur sehingga membolehkan kerajaan menaikkan gaji kakitangan awam sebanyak 10 peratus yang diharap dapat meringankan sedikit beban mereka," katanya ketika menghadiri jamuan Aidilfitri anjuran Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Pandikar Amin Mulia, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman, Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara Datuk Mustapa Mohamed dan kakitangan JPM. Ini adalah kali ketiga majlis seumpama itu diadakan di sini Dr Mahathir berkata, kesejahteraan dan kemakmuran yang dinikmati rakyat sekarang adalah hasil sikap kerajaan yang lebih cintakan keamanan daripada perkara tidak baik.

Katanya, ia juga adalah hasil usaha dan kerjasama semua kakitangan kerajaan selama ini yang sentiasa mengamalkan kesederhanaan.

Perdana Menteri juga berkata, pemindahan JPM ke Putra Jaya melegakan semua pihak, sehingga sudah ramai tinggal di sini sehingga sebuah masyarakat dapat diwujudkan.

"Insya-Allah tidak lama lagi kita (komuniti di Putra Jaya) akan menjadi lebih besar dan Putra Jaya akan menjadi satu kota yang sama seperti kota lain. Semua ini dapat dihasilkan kerana kerja yang dilaksanakan oleh pegawai kerajaan terutama pegawai JPM," katanya.

(END)